

TEMA 11 CUTI UMUM DI MALAYSIA

Situasi 11 Rancangan Siapa Pintar : Soalan Cuti Umum di Malaysia

Latar tempat : Studio rancangan ‘Siapa Pintar’

Pengacara : Assalamualaikum, kita kembali ke dalam rancangan ‘Siapa Pintar’.

Baik, kita teruskan dengan soalan yang pertama. Berapakah jumlah cuti umum dalam setahun di Malaysia?

Abu : Biasanya terdapat sepuluh cuti umum yang penting di Malaysia.

Pengacara : Betul!

Baik, kita teruskan dengan soalan yang kedua. Apakah cuti umum tersebut?

Azman : Cuti-cutি umum tersebut ialah Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Krismas, Deepavali, Tahun Baru Cina, Awal Muharam, Maulidur Rasul, Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong, Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Pengacara : Tepat sekali!

Baik, soalan yang terakhir. Adakah rakyat Malaysia bercuti pada hari-hari tersebut?

Azman : Ya. Semua rakyat di Malaysia akan bercuti.

Pengacara : Betul! Dengan ini, pemenangnya ialah saudara Azman.